

Remaja cederakan lapan rakan seasrama dihantar ke Sekolah Henry Gurney



TERIMA AKIBAT: Tertuduh (tiga kanan) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Majistret setelah selesai dijatuhkan hukuman, semalam.

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam memerintahkan seorang remaja lelaki berusia 14 tahun ditempatkan di Sekolah Henry Gurney selama tiga tahun kerana mencederakan lapan rakan seasramanya menggunakan seterika panas, atas alasan suka-suka.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan, Majistret Ling Hul Chuan dan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menetapkan demikian terhadap pelajar tingkatan dua itu yang mengaku bersalah atas lapan pertuduhan.

Keputusan yang selari dengan Seksyen 91 (1)(f) Akta Kanak-Kanak 2001 itu dibuat oleh kesemua majistret setelah mendengar laporan akhlak tertuduh yang dikemukakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) semalam.

Sebagai tambahan kepada Subsyeksyen 91(1), mahkamah juga memerintahkan ibu

atau penjaga untuk melawat tertuduh secara tetap sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah, selari dengan Seksyen 93(1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001.

Selain itu, mahkamah di bawah Seksyen 70 Akta Kanak-Kanak 2001 memerintahkan tertuduh diletakkan di bawah pengawasan oleh Pegawai Akhlak selama setahun, selesai menjalani hukuman.

Mengikut kesemua pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja mencederakan lapan mangsa lelaki berusia antara 13 hingga 15 tahun dalam satu kejadian pada 2 Mei 2025, sekitar jam 12.30 tengah malam dan 2 pagi di hostel sebuah sekolah menengah di sini.

Kesemua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana daripada dua seksaan

tersebut.

Berdasarkan keterangan kes, ketua warden sekolah dimaklumkan salah seorang pengadu (guru sekolah) sekitar jam 9.22 pagi hari kejadian bahawa seorang pelajar mengalami kecederaan melecur di lengan kiri akibat terkena air panas dan memohon untuk pulang bagi mendapatkan rawatan.

Seterusnya sekitar jam 11.45 pagi dan 2.15 petang, beberapa lagi pelajar tampil mengadu mengalami kecederaan di beberapa bahagian badan yang dipercayai akibat kesan lecur, antaranya, di lengan, betis, buku lali dan tengkuk.

Hal ini telah menimbulkan perasaan syak kerana kecederaan kesemua mangsa kelihatan seperti kesan melecur ditekap dengan objek panas.

Remaja cederakan lapan rakan seasrama dihantar ke Sekolah Henry Gurney

► Dari Muka 1

Susulan itu, siasatan awal dilakukan pihak sekolah dan hasil siasatan kesemuanya menjurus kepada tertuduh.

Tertuduh ketika ditanya oleh pihak sekolah mengenai kejadian itu turut mengaku telah menangkap seterika panas pada tubuh lapan orang rakannya secara sengaja.

Oleh itu, laporan polis dibuat oleh guru, ibu bapa serta mangsa-mangsa dan polis kemudian menangkap tertuduh pada hari sama untuk tindakan lanjut.

Hasil siasatan polis mendapati tertuduh dengan sengaja mencederakan kesemua mangsa menggunakan seterika panas dengan cara menangkap badan-badan mangsa ketika mereka sedang nyenyak tidur.

Kecederaan kesemua mangsa telah direkodkan serta disahkan oleh Pakar Perubatan Hospital Umum Sarawak (HUS), malah terdapat beberapa orang saksi kejadian serta mangsa sendiri yang melihat tertuduh melakukan perbuatan itu.

Dalam pada itu, fakta kes juga mendedahkan tertuduh secara suka-suka berbuat demikian atas sebab ingin membuli rakan sekolahnya, tanpa mengetahui kesan dan akibat perbuatannya itu.

Pendakwaan dikendalikan secara berasingan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim dan Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin.

Tertuduh diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Russell Lim dan Brendan Ting.